

# Kolej E juara Debat Piala Naib Canselor UMS

UM 29.10.2014 26

**KOTA KINABALU 28 Okt.** - Kolej Kediaman E muncul juara Debat Piala Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-14 selepas mengetepikan Kolej AB dalam saingan akhir debat yang berlangsung di Dewan Resital UMS, baru-baru ini.

Kejayaan tersebut cukup bermakna buat kolej itu apabila menundukkan Kolej Kediaman AB yang merupakan penyandang juara bagi pertandingan tersebut.

Membawa isu 'Keranamu Sabah, Malaysia Lebih Bererti', pendebat Kolej Kediaman E yang bertindak sebagai pihak kerajaan berjaya menangkis pelbagai hujah, sekali gus membolehkan mereka merangkul kejuaraan debat bagi kategori Bahasa Melayu Utama.

Sementara itu, pendebat Kolej Kediaman CD berjaya menewaskan Kolej Kediaman AB bagi kategori Bahasa Melayu Muda.

Untuk pertandingan kali ini, Mohd. Fazrul Abdul Rahim dinobatkan sebagai pendebat terbaik kategori Bahasa Melayu Utama bagi kategori keseluruhan, manakala kategori Bahasa Melayu Muda disandang Nurfaiz Musthafa.

Piala kemenangan serta sijil disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali.

Terdahulu, Ismail dalam ucapannya berkata, pertandingan yang dianjurkan sejak 2001 itu berjaya mencungkil bakat-bakat baharu dalam bidang pengucapan awam.

"Penganjuran ini juga dilihat sebagai platform kepada pendebat untuk melangkah lebih jauh, sekali gus membuktikan keupayaan UMS memenangi Debat Diraja 2014 ke-16 bagi kategori muda Bahasa Melayu pada Mei lalu," katanya.